

Jadikan Hari Keputeraan 'Bapa Kemerdekaan' Sebagai Hari Kelepasan Am

Saudara Pengarang,

Eni Bani - 20/4/2007

Baru-baru ini saya telah terbaca didalam sebuah akhbar bahasa Inggeris tentang satu resolusi yang diluluskan oleh MIC cawangan Simpang Renggam, Johor dalam mesyuaratnya supaya hari Keputeraan Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang jatuh pada 8 Februari setiap tahun di isytihar kan sebagai hari Kelepasan Am.

Saya amat bersetuju dan yakin rakyat di negara ini juga akan bersetuju dengan cadangan tersebut. Tetapi apa yang menyedih dan memalukan ialah resolusi tersebut bukannya datang dari pihak UMNO tetapi dari parti politik bukan Melayu.

Namun, memandangkan kepada negara yang akan menyambut Hari Kemerdekaannya yang ke 50 pada Ogos ini, amat kena pada masanya bagi Kerajaan Malaysia mengisytiharkan Hari Keputeraan Tunku itu sebagai hari Kelepasan Am, oleh kerana rakyat dan negara banyak berhutang budi kepada Tunku kerana hasil dari perjuangan dan pengorbanan Tunkulah yang membawa nikmat dan kesenangan kepada rakyat kini setelah dibebaskan dari penjajah.

Saya harap Kerajaan dibawah kepimpinan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi akan bertindak segera untuk mengisytiharkan 8 Februari setiap tahun sebagai Hari Kelepasan Am.

*Hamdan Mohd Salleh,
Ampang, Selangor.*

Rakyat dan negara banyak berhutang budi kerana perjuangan dan pengorbanan allahyarham Tunku

